

Sivil, syariah kembang harmoni

Nilai: Undang-undang syariah dan sivil adalah dua sistem perundangan yang berkembang secara harmoni, selari dengan Malaysia sebagai negara berbilang kaum, budaya dan agama.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kedua-dua sistem perundangan itu unik, sama ada aspek sumber perundangan, hierarki kekuasaan, teori dan amalan termasuk metodologi juga penaakulan.

Menurut beliau, sebarang kekurangan dan kelemahan sistem terbabit tidak sepatutnya dijadikan alasan dan permasalahan bagi memberikan keadilan dalam sistem perundangan negara.

“Apabila melihat kepada pengaruh syariah dan sivil dalam sistem perundangan termasuk usaha ke arah penambahbaikan, kita tidak boleh menafikan pentingnya untuk memahami realiti negara ini.

“Malaysia adalah negara berbilang kaum, budaya, agama dan sistem perundangan mengiktiraf kepelbagaian sumber perundangan termasuk undang-undang adat, syariah selain sivil. Sebarang perubahan dan transformasi dalam sistem perundangan sedia ada perlu mengikut proses demokrasi,” katanya pada majlis perasmian Seminar Antara-bangsa Syariah dan Sivil Kali ke-3 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), semalam.

Terdahulu, teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Dalam ucapan itu, Ahmad Zahid berkata, negara mengambil inisiatif mengharmonikan syariah dan sivil sejak dua dekad lalu, malah ia inisiatif kerajaan untuk mewujudkan suasana perundangan yang kukuh, berkesan, efisien, kondusif serta dinamik.